

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [PUTATAN]**

**TARIKH JAWAPAN : -  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN :**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh minta MENTERI TENAGA,  
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:**

- a) apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani masalah gangguan bekalan elektrik di seluruh Negara; dan
- b) bagaimana sambutan rakyat pada umumnya mengenai dengan cadangan penjanaan tenaga elektrik dengan menggunakan sumber tenaga nuklear.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan bekalan elektrik negara sentiasa berdaya harap, berkualiti dan cekap. Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem atau *System Average Interruption Duration Index*, dengan izin, SAIDI digunakan sebagai kayu pengukur bagi menunjukkan bekalan elektrik negara berkeadaan baik. SAIDI iaitu indeks yang digunakan bagi mengukur kadar gangguan bekalan elektrik telah menunjukkan bahawa tahun 2015 telah menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan berbanding tahun-tahun terdahulu. Sehingga penghujung bulan Februari 2015, SAIDI yang dicatatkan di Negeri Sabah adalah pada kadar 34.32 minit/pengguna berbanding 305.71 minit/pengguna bagi tempoh yang sama dicatatkan pada tahun lalu. Manakala bagi Semenanjung, SAIDI yang dicatatkan adalah sebanyak 7.05 minit/pengguna berbanding 8.32 minit/pengguna bagi tempoh yang sama pada tahun 2014.

2. Keadaan yang memberangsangkan ini wujud akibat pelbagai usaha yang telah dijalankan untuk memastikan masalah gangguan

bekalan elektrik seluruh negara dibendung. Langkah-langkah yang telah diambil antara lain adalah seperti berikut:

- i. meningkatkan kadar *reserve margin* supaya pembekalan tenaga elektrik menjadi stabil. Dalam hal ini kadar *reserve margin* di Semenanjung pada ketika ini adalah sebanyak 23.9% berdasarkan kapasiti terpasang. Sejak bulan Jun 2014, rizab operasi telah meningkat dengan ketara berikutan peningkatan prestasi loji-loji jana kuasa arang batu, iaitu sebanyak 1,679MW atau 9.9%.
- ii. bagi Negeri Sabah pula, kadar *reserve margin* pada masa ini adalah 32%. Kadar *reserve margin* telah meningkat dengan beroperasinya Stesen Jana Kuasa Kimanis Power (285MW) dan SPR Energy (100MW) di Kimanis serta Cash Horse yang berasaskan tenaga boleh baharu (biomass-10MW) pada tahun 2014.
- iii. projek-projek penjanaan baru di kawasan Pantai Timur Sabah termasuk Stesen jana Kuasa Kitar Padu di POIC Sandakan dan Stesen Hidroelektrik Upper Padas juga akan dilaksanakan. Bagi memperkukuhkan lagi sistem penghantaran dan pengagihan yang terdedah kepada

gangguan cuaca, tambahan sistem perlindungan kilat dan penggantian komponen-komponen sistem penghantaran seperti alatubah, pengasing, *capacitive voltage transformer* yang telah berusia serta penggantian talian kepada pengalir bertebat telah dilaksana; dan

- iv. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.295 bilion melibatkan komponen penjanaan, penghantaran, pembahagian dan juga sistem operasi bagi mengatasi masalah kelemahan sistem bekalan elektrik di seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam tempoh 5 tahun (2015 – 2020) akan datang. Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah yang akan melaksana dan mengawalselia projek-projek pembekalan elektrik di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Pada masa ini, tinjauan pendapat umum yang komprehensif terhadap cadangan penjanaan tenaga elektrik daripada sumber tenaga nuklear sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2015. Oleh yang demikian Kementerian pada ketika ini tidak

dapat memberikan maklumat yang tepat akan sambutan rakyat terhadap cadangan berkenaan. Namun tinjauan awal menunjukkan terdapat pelbagai jenis respons yang diberikan oleh rakyat termasuk pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan dimana ada yang menyokong dan ada yang menentang. Sehubungan dengan ini, bagi memantapkan ketersediaan negara dalam membuat keputusan yang tepat berasaskan maklumat dan fakta terkini, Kerajaan telah menubuhkan *Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC)* yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan kajian-kajian kesediaan negara dalam penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan tenaga elektrik, selaras dengan garis panduan *International Atomic Energy Agency (IAEA)*.

4. Di samping itu, program penyebaran maklumat mengenai penjanaan daripada kuasa nuklear di peringkat kebangsaan akan dilaksanakan. Kerajaan hanya akan memuktamadkan keputusan untuk menggunakan tenaga nuklear bagi menjana tenaga elektrik setelah menilai hasil kajian MNPC dan juga mengambil kira akan pandangan serta penerimaan rakyat dalam hal ini.

\*\*\*\*\*